

Warta Penerangan

Edisi Kesebelas
2008

Bil 11 November 2008

Penyampaian Sijil Penghargaan kepada 33 wakil pengedara Pelita Brunei bagi Daerah Belait

Tiga puluh tiga wakil pengedara Pelita Brunei bagi Daerah Belait telah dilantik oleh Jabatan Penerangan bagi kemudahan orang ramai mendapatkan naskhah Akhbar Rasmi Kerajaan Pelita Brunei setiap hari Rabu dan Sabtu. Tempat-tempat lokasi yang disediakan: 12 di Mukim Pekan Kuala Belait, tiga di Mukim Seria, tujuh di Mukim Lumut, tujuh di Mukim Sungai Liang dan empat di Mukim Labi.

Majlis Penyampaian Sijil Penghargaan kepada wakil-wakil berkenaan berlangsung di Dewan Bandaran, Kuala Belait yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi.

Dalam ucapannya, beliau melahirkan rasa terima kasih dan penghargaan kepada wakil pengedara Pelita Brunei yang dilantik dan telah memberikan kerjasama kepada Jabatan Penerangan bagi memberi kemudahan orang ramai mendapatkan Pelita Brunei dengan lebih mudah, cepat dan selamat.

Dengan penempatan yang sistematik itu, orang ramai di daerah ini akan sentiasa menerima maklumat yang berguna mengenai hal ehwal Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, projek-projek pembangunan dan dasar-dasar kerajaan serta aktiviti-aktiviti pelbagai kementerian dan jabatan kerajaan bagi mendidik masyarakat Brunei ke arah hidup berbangsa dan bernegara.

Beliau berharap agar wakil-wakil pengedara Pelita Brunei akan sentiasa memberikan kerjasama yang padu bagi memastikan pengedaran akhbar berkenaan berjalan lancar dan sampai kepada 'audience' di kawasan sekitar



Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof menyampaikan Sijil Penghargaan kepada salah seorang wakil pengedara Pelita Brunei bagi Daerah Belait.

penempatan pengedara yang telah ditentukan.

Pemangku Pengarah Penerangan juga telah memberikan taklimat mengenai perisian Pelita Brunei bagaimana ianya dicetak dan perkembangan Pelita Brunei pada masa kini.

Beliau seterusnya memberitahubahawa Pelita Brunei selain dicetak, Jabatan Penerangan juga telah meningkatkan keupayaan menyebarluaskan maklumat dengan cepat dan terkini di mana jabatan telah melancarkan penerbitan Pelita Online Harian yang bermula pada 12 Julai yang lalu, dan orang ramai boleh mendapatkan perkhidmatan tersebut dengan melayarnya di alamat www.pelitabrunei.gov.bn setiap hari bermula jam 8.00 pagi.

Selain itu tambahnya, Jabatan Penerangan kini berusaha membuat perancangan strategik untuk meningkatkan dan membina pengedaran Pelita Brunei ke seluruh daerah di negara ini selaras dengan visi jabatan iaitu 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' yang juga menjadi moto akhbar berkenaan.



Para wakil pengedara menyaksikan pameran buku-buku dan bahan-bahan terbitan Jabatan Penerangan.

Para jemputan berkesempatan bagi menyaksikan tayangan klip video mengenai perkembangan/penerbitan Pelita Brunei Dua Kali Seminggu iaitu Edisi Rabu dan Edisi Sabtu dan Pelita Online Harian dan berpeluang menyaksikan pameran mengenai bagaimana Pelita Brunei diproses.

Sidang Redaksi

Penasihat

Haji Yussof bin Haji Ladi
Ismail Mohammad

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aida Hidup
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Asnah Diwa
Nor Ajijah Mohammad
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT
&
Pg.Ikram bin Pg. Haji Ahmad

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548.

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Sekapur Sirih

Assalamu 'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Seperti bulan-bulan lalu jabatan tidak pernah kendur-kendur untuk terus mempertingkatkan usaha dalam melaksanakan tugas dan fungsinya. Dalam usaha untuk meningkatkan pengedaran Pelita Brunei, jabatan telah mengenal pasti sebanyak 349 lokasi di seluruh negara untuk memudahkan orang ramai mendapatkan Pelita Brunei. Pada bulan ini telah diadakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada wakil-wakil pengedar Pelita Brunei di Daerah Belait. Setentunya dengan adanya wakil pengedar ini, orang ramai akan mendapat naskah Pelita Brunei dengan cepat dan mudah.

Bulan ini jabatan juga menerima kunjungan pegawai-pegawai dari Pusat Pendidikan dan Pelatihan, Departemen Komunikasi dan Informatika, Republik Indonesia, dalam rangka lawatan sambil belajar. Sememangnya hubungan antara Negara Brunei Darussalam dan Indonesia sudah lama terjalin sejak termeterainya Memorandum Persefahaman Dalam Bidang Penyiaran dan Penerangan dalam tahun 1989. Melalui kunjungan seperti ini telah meningkatkan lagi hubungan kerjasama dalam bidang penerangan, di samping dapat bertukar-tukar fikiran dan pengalaman dalam perlaksanaan tugas seharian.

Jabatan pada bulan ini juga menerima kunjungan guru-guru dan kakitangan Sekolah Rendah Anggerek Desa dan Sekolah Rendah Bebuloh. Setentunya musim percutian sekolah pada bulan ini membolehkan guru-guru dan tenaga pengajar sekolah menggunakan masa dengan aktiviti berguna untuk meningkatkan lagi pengetahuan masing-masing. Jabatan di waktu yang sama mendapat manfaat kerana membolehkan kita memberiagain lagi aktiviti dan mempromosi produk-produk jabatan.

Pada tahun 2008 ini, Negara Brunei Darussalam telah menjadi tuan rumah Sukan Persahabatan BIMP-EAGA dan seperti biasanya jabatan akan terlibat membuat liputan, memantau pergerakan media dan membuka Pusat Media bagi memberi kemudahan media-media dalam dan luar negeri yang berhasrat membuat liputan sepanjang acara sukan tersebut. Adanya bantuan yang diberikan, memudahkan lagi media-media menulis berita-berita yang akan memberikan gambaran positif mengenai Negara Brunei Darussalam. Komitmen yang tinggi semua warga Penerangan yang terlibat telah dapat memudahkan kerja-kerja pemberitaan dan liputan sukan berkenaan.

Wassalam.

HAJI YUSSOF BIN HAJI LADI
Pemangku Pengarah Penerangan

Isi Kandungan

- Penyampaian Sijil Penghargaan	1
- Taklimat Kenegaraan	
- Lawatan Sekolah Rendah Anggerek Desa	
- Lawatan Sekolah Rendah Bebuloh	3
- Pusat Media BIMP-EAGA	4
- Penyampaian Anugerah Cemerlang Laman Web	
- Pementasan ASEAN 'Semarak Kasturi 2008'	5
- Pengubahsuaian Bilik Bahagian Pentadbiran	
- Gempar...	
- Majlis Doa Selamat Persaraan	6
- Selamat Hari Lahir	
- Kakitangan Baru Berkhidmat	
- Latihan Tarik Kalat Sempena HPA	7
- Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi	
- Latihan Tarik Kalat Sempena HPA	8

Taklimat Kenegaraan ‘Wawasan Brunei 2035’ di Daerah Belait

Jabatan Penerangan meneruskan lagi aktiviti Taklimat Kenegaraan Wawasan Brunei 2035 pada 22 November ke Mukim Seria, Daerah Belait. Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi.

Taklimat Kenegaraan ‘Wawasan Brunei 2035’ disampaikan oleh Awang Abd Amin bin Haji Hashim, Pemangku Pengarah Perancangan, Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.

Isi kandungan taklimat beliau antara lain menyentuh mengenai perkembangan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) yang bermula dengan RKN 1 (tahun 1953-1958), rancangan kemajuan jangka panjang 20 tahun dan Laporan Pembangunan Insan (Human Development Index).

Sesi perbincangan dan soal jawab

juga diadakan bagi sama-sama bertukar pendapat dan menambahkan kefahaman mengenai ‘Wawasan Brunei 2035’ ini.

Turut diadakan ialah mini pameran dari Jabatan Penerangan dan Biro Kawalan Narkotik.

Taklimat yang dianjurkan bersama oleh Cawangan Jabatan Penerangan Daerah Belait dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Seria ini dihadiri oleh para ketua jabatan-jabatan kerajaan cawangan Daerah Belait; para penghulu dan ketua kampung serta ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Seria; pengetua-pengetua dan guru-guru besar serta para penuntut dari beberapa buah sekolah di daerah berkenaan.

Turut hadir ialah pegawai kanan dan para pegawai serta kakitangan dari ibu pejabat Jabatan Penerangan.



Sebahagian daripada para penuntut yang menghadiri Taklimat Kenegaraan Wawasan Brunei 2035.



Taklimat ringkas mengenai Jabatan Penerangan telah disampaikan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi semasa lawatan guru-guru dari Sekolah Rendah Anggerek Desa ke jabatan ini pada 4 November.

Sekolah Rendah Bebuloh buat lawatan sambil belajar

Seramai 19 orang murid Darjah 6 termasuk tiga orang guru Sekolah Rendah Bebuloh, Kawasan Brunei IV telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Penerangan pada 19 November.

Rombongan yang diketuai oleh Cikgu Hajah Rokiah binti Haji Yusof telah dialulukan oleh pegawai-pegawai kanan jabatan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar, seterusnya menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan Lagu Bendera Negara.

Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Majlis.

Majlis diteruskan dengan taklimat mengenai Struktur Organisasi dan Perkhidmatan-perkhidmatan Jabatan Penerangan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Ketua Bahagian Perhubungan Awam.

Dalam taklimatnya, beliau telah menyentuh mengenai sejarah dan

perkembangan Jabatan Penerangan, misi, visi dan peranan serta tanggungjawab jabatan dalam menanai pembangunan bangsa, perpaduan negara dan imej kecemerlangan, seterusnya mengenai peranan dan tugas setiap bahagian dalam organisasi jabatan.

Selesai taklimat, para pelawat telah mengadakan sesi ramah mesra bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi dan pegawai-pegawai kanan jabatan, diikuti dengan penyampaian cenderamata dan sesi bergambar ramai.

Sebelum mengakhiri lawatan, rombongan pelawat dibawa meninjau secara lebih dekat ke Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Berita Inggeris dan Media IT dan Pelita Brunei Online untuk mengetahui lebih lanjut mengenai operasi dan peranan bahagian-bahagian tersebut.



Para penuntut mendengar penerangan daripada Ketua Unit Laman Web semasa melawat ke Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Pusat Media beroperasi di Sukan Persahabatan BIMP-EAGA



Suasana di bilik Pusat Media semasa berlangsungnya Sukan Persahabatan BIMP-EAGA.

Bulan November ini, sekali lagi Jabatan Penerangan membuka Pusat Media. Pusat Media kali ini yang beroperasi dari 26 - 30 November adalah bagi membantu Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengendalikan para media yang membuat liputan Sukan Persahabatan BIMP-EAGA kali ke-6.

Pusat Media yang terletak di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah ini dilengkapi dengan kemudahan komputer riba, mesin pencetak (*printers*), mesin faks, telefon dan mesin fotokopi.

Selain menyediakan kemudahan di atas, Pusat Media juga membantu para media bagi mendapatkan ucapan-ucapan tetamu kehormat, jadual perlawanan, keputusan setiap perlawanan (*game result*) serta kedudukan dan kutipan medal (*medal tally*) terkini negara-negara yang mengikuti sukan

berkenaan. Turut dikendalikan juga ialah *Post Press Conference*.

Sukan Persahabatan BIMP-EAGA kali ke-6 di Negara Brunei Darussalam ini mendapat liputan meluas bukan saja dari media tempatan malahan juga perwakilan media dari negara Indonesia dan Filipina.

Kejohanan yang diadakan setiap dua tahun sekali ini menyaksikan negara-negara ahli BIMP-EAGA berentap mendapatkan kedudukan terbaik. Selain negara ahli BIMP-EAGA, sukan persahabatan ini turut disertai oleh pasukan Northern Territory, Australia sebagai jemputan.

Alhamdulillah berkat kerjasama semua pegawai dan kakitangan jabatan sama ada yang bertugas ahli Pusat Media maupun sebagai pegawai penghubung media (MRO); perjalanan Pusat Media berjalan dengan lancar.

Pusat Media juga menerima kunjungan dari Setiausaha Tetap



Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemah bin Haji Ampal dan perwakilan yang mengendalikan ARAFURA Games di Australia.

MRO bertugas di bulan November



Beberapa orang Pegawai Penyelaras Media (MRO) dari Jabatan Penerangan telah ditugaskan di majlis-majlis tertentu sepanjang bulan November. Acara-acara tersebut ialah seperti berikut:

- | | |
|-------------|--|
| 1 November | Keberangkatan The Prince of Wales and The Dutchess of Cornwall, ke Universiti Brunei Darussalam. |
| 1 November | Keberangkatan The Prince of Wales and The Dutchess of Cornwall, ke Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas. |
| 11 November | Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam 2008 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. |
| 20 November | Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ke luar negara. |

Penyampaian Anugerah Cemerlang Laman Web Rasmi Kerajaan sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-15 Tahun 2008

Tahun ini buat julung-julung kalinya bersempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-15 Tahun 2008, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan telah menganjurkan pertandingan Anugerah Cemerlang Laman Web Rasmi Kerajaan.

Majlis Penyampaian Hadiah kepada para pemenang telah pun diadakan pada 12 November bertempat di Dewan Muhibbah, Jabatan Daerah Brunei dan Muara bersempena Sambutan HPA Negara Brunei Darussalam Peringkat Daerah Brunei dan Muara.

Acara majlis pada hari tersebut termasuk penyampaian Sijil Perkhidmatan bagi para pegawai dan kakitangan kerajaan yang bersara dan mini pameran yang memperlihatkan laman-laman web yang memenangi anugerah.

Hadir selaku Tetamu Kehormat majlis ialah Pengiran Dato Paduka Haji Osman bin Pengiran Haji

Petra, Setiausaha Tetap, Jabatan Perdana Menteri. Pengumuman Anugerah pada acara tersebut telah dilakukan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Haji Yussof bin Haji Ladi. Anugerah yang terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori Kementerian dan Jabatan telah mula dibukakan penyertaannya pada bulan Februari 2008. Beberapa siri mesyuarat antara pengajar dan para panel penilai telah pun diadakan bagi melicinkan lagi perjalanan anugerah ini. Sembilan buah kementerian dan 25 buah jabatan telah menyertai anugerah ini. Kementerian Pertahanan dan Jabatan Pembangunan

Masyarakat telah pun dinobatkan menjadi juara kategori masing-masing. Jabatan Penerangan yang bertindak sebagai Urusetia Anugerah tidak menyertai pertandingan ini.



Antara ahli Jawatankuasa Anugerah Cemerlang Laman Web Rasmi Kerajaan.

Pementasan ASEAN ‘Semarak Kasturi 2008’

Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud, Pereka Tingkat III di Bahagian Penerbitan, Laporan Tahunan dan Tugas Khas telah mewakili Kumpulan Putra Seni dalam persesembahan Teater Tradisi Budaya Rakyat ASEAN dengan tema ‘Semarak Kasturi 2008’ di Republik Singapura pada 29 - 30 November.

Teater anjuran Persatuan Kemuning Singapura itu merupakan Pentas ASEAN yang dianjurkan buat kali ketiga bertujuan mempamer dan menyemarakkan cerita-cerita terbilang warisan rakyat ASEAN, suatu kesempatan wadah untuk setiap lapisan penggiat dan seniman seni mengetengahkan ciri dan cara tersendiri dalam menterjemahkan cerita-cerita rakyat masyarakat mereka dalam bentuk seni pentas yang luas.

Pementasan dua hari itu menghimpunkan penggiat seni muda dan mapan segenap rantaun ASEAN dalam meniti cabaran membentuk kepelbagaiannya seni dan nilai-nilai luhur di sebalik setiap cerita rakyat yang terdahulu untuk dihayati.

Kumpulan Putra Seni pimpinan Awang Zefri Ariff, Pensyarah Universiti Brunei Darussalam, mempersembahkan muzikalisisasi berjudul ‘Dang-Deng-Ding-Dong-Dung’ yang menjelaskan istilah falsafah seni kumpulan teater tanah air itu, yang diwakili oleh 11 orang peserta.



Awang Zefri Ariff selaku ketua kumpulan dan Awang Haji Roslan bin Haji Mohd. Daud bersama para peserta Kumpulan Putra Seni yang mewakili negara dalam persesembahan ‘Semarak Kasturi 2008’. Mereka mempersembahkan muzikalisisasi berjudul ‘Dang-Deng-Ding-Dong-Dung’ di Telok Ayer Performing Arts Centre, Republik Singapura.

Gambar-gambar sumbangan Awang Haji Roslan bin Haji Mohd Daud.

Pengubahsuaian Bilik Bahagian Pentadbiran



Suasana semasa pengubahsuaian



Wajah baru Bahagian Pentadbiran selepas pengubahsuaian



Gempar.....



#Insiden mengejutkan apabila suis elektrik
edi Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya
Shahbandar terbakar secara tiba-tiba...

25.11.08

3:56 petang



Majlis Doa Selamat Persaraan Awang Haji Majid bin Haji Ibrahim di lobi Jabatan Penerangan. Majlis ini diadakan oleh Awang Haji Majid untuk menghargai hubungan kekeluargaan sesama para pegawai dan kakitangan sepanjang beliau berkhidmat di jabatan ini.

Jelajah Penerangan Ke Bukit Kota

Jabatan Penerangan dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampong (MPK) Pengkalan Batu telah menganjurkan Program Jelajah Penerangan ke Bukit Kota yang terletak di Jalan Perkuburan Bukit Baloi, Kampong Batu Ampar pada hari Ahad, 19 Oktober.

Seramai 80 orang pegawai dan kakitangan jabatan, Ahli-ahli MPK Pengkalan Batu serta penduduknya telah menyertai aktiviti pada pagi itu yang dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Imam Masjid Pengkalan Batu, Awang Haji Mohd. Sukri bin Abdullah, diikuti oleh ucapan alu-aluan dan pengenalan ringkas mengenai Bukit Kota oleh Ketua Kampung, Awang Haji Kahar bin Tinggal.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi dalam ucapannya telah menyentuh mengenai hasrat kerajaan untuk terus memupuk hubungan dua hala antara kerajaan dan rakyat. Oleh itu jabatan sangat mengalaukan kegiatan Majlis Perundingan Mukim dan Kampung seperti projek mendaki bukit atau kegiatan lain seumpamanya. Jabatan juga bersedia memberikan perkhidmatan dan bantuan kepada



Para pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang ikut serta bergambar ramai bersama ahli-ahli Majlis Perundingan Kampong Pengkalan Batu .

masyarakat melalui program dan aktiviti yang diadakan seperti perkhidmatan penggambaran, Pelita Brunei dan melalui kerja-kerja perhubungan awam dalam mempromosi kegiatan kampung dan sebagai destinasi pelancongan, penyelidikan dan sebagainya.

Sebelum memulakan pendakian, senaman memanaskan badan telah diadakan. Seterusnya pendakian yang melalui jalan-jalan yang berbukit dan di setengah tempat memang agak sukar kerana laluan licin dan basah akibat hujan pada malam sebelumnya. Di sepanjang laluan terdapat pokok-pokok buluh sebesar

pokok kelapa dan tempat ini memang terkenal sebagai tempat mencari rebung. Selain itu terdapat bunga-bunga hutan dan dedaun yang tumbuh liar sepanjang perjalanan, dan bagi yang membawa kamera sememangnya tidak melepaskan peluang untuk merakamkan keindahan flora dan fauna di Bukit Kota.

Sememangnya pengalaman mendaki Bukit Kota suatu yang menyeronokkan. Selain sebagai aktiviti riadah yang menyihatkan badan, para pendaki dapat menikmati keindahan alam semula jadi yang terdapat di Kampong Pengkalan Batu.

Majlis Penyampaian Sumbangan Derma Menunaikan Fardu Haji 2008

Pada hari Khamis, 6 November di Bilik Persidangan Pehin orang Kaya Shahbandar, ibu pejabat Jabatan Penerangan di Berakas, telah diadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada Awang Besar bin Haji Mamit, Penyemak Kanan di Unit Produksi (Pelita Brunei) yang akan menunaikan fardu haji bagi musim haji 1429 Hijrah/2008 Masihi.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Yussof bin Haji Ladi yang antara lain menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan jabatan di keempat-empat daerah di atas sumbangan derma seangkat-angkat hati untuk bakal jemaah haji pada tahun ini. Pemangku Pengarah turut mendoakan untuk

keselamatan dan kesejahteraan Awang Besar dan isteri serta semua jemaah haji Negara Brunei Darussalam semasa berada di Tanah Suci dan kembali ke tanah air dengan mendapat haji yang mabrur.

Seterusnya Pemangku Pengarah berkesudian menyampaikan sumbangan derma kepada bakal jemaah haji jabatan pada tahun ini, diikuti bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji

Abdul Rahman bin Haji Matyassin.

Sebelum mengakhiri majlis, Awang Besar bin Haji Mamit telah menyampaikan ucapan ringkas dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan yang telah bermurah hati menghulurkan sumbangan derma tersebut.

Kakitangan baru berkhidmat



Dayang Ernie Erma binti Haji Salihudin
Jawatan: Juruteknik Foto
Tingkat II
Tarikh melapor: 17 November 2008

Selamat Hari Lahir	
Awang Haji Liman bin Raim	01 November
Awang Balang bin Galawat	01 November
Ak. Mohd. Noor Zainismandy bin Pg. Haji Ismail	01 November
Awang Samle bin Haji Jait	08 November
Awang Abdullah bin Asgar	09 November
Dayang Nuruljannah binti Hassan	10 November
Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Kalong	12 November
Dayang Siti Maifaizura binti Maikal	14 November
Awang Abu Bakar bin Haji Mohd. Said	15 November
Pengiran Haji Bahar bin Pengiran Haji Omar	16 November
Awang Haji Narip bin Haji Bostan	18 November
Awang Azman bin Haji Abdul Rahim	19 November
Dayang Hajah Noorfijrah binti Haji Idris	20 November
Dayang Hernie Suliana binti Haji Othman	20 November
Dayang Hajah Nooralipah binti Haji Abdul Rahman	21 November
Dayang Jennifer Mok Thai Geok	23 November
Dayang Ramlah binti Mohd. Nor	25 November
Awang Haji Mahmud bin Haji Masri	26 November
Awang Haji Musa bin Mohd. Yassin	28 November
Awang Kamal Abdul Nasir bin Majin	30 November

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 - 2009

Gambar 'Khatam Al-Qur'an' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah telah memenangi Kategori Jurugambar Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2008 -2009 bagi bulan Oktober dengan tema 'Sekolah' yang dibuka penyertaannya mulai 15 Oktober hingga 15 November.

Bagi Kategori Pegawai dan Kakitangan pula, gambar 'Group Discussion' oleh Awang Samle bin Haji Jait telah mendapat tempat pertama.

Peraduan tersebut diteruskan lagi bagi bulan November dengan tema 'Tumbuh-tumbuhan' dan penyertaannya mula dibuka pada 15 November hingga 15 Disember.



'Khatam Al-Qur'an' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah yang mendapat tempat pertama bagi Kategori Jurugambar.



'Group Discussion' oleh Awang Samle bin Haji Jait yang memenangi Kategori Pegawai dan Kakitangan.

Latihan Tarik Kalat Sempena Hari Perkhidmatan Awam (HPA) Ke-15 Tahun 2008



Antara gambar-gambar semasa latihan tarik kalat sempena HPA. Beberapa orang pegawai dan kakitangan jabatan telah turut serta bagi mewakili Jabatan Perdana Menteri.

